Utusan Ketua Pegawai Eksekutif

DATUK SERI TAJUDDIN ATAN
Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun lepas menyaksikan Bursa Malaysia memperolehi kejayaan dalam pelbagai bidang strategik selain memperoleh pencapaian baharu. Dalam tahun yang dipenuhi pelbagai cabaran ekonomi dan geopolitik yang berterusan, kami tetap bingkas menghadapi cabaran yang melanda. Ini adalah hasil asas kukuh yang telah kami bina dalam usaha kami untuk menjadi Pasaran Multinasional ASEAN.

Kami terus berusaha meningkatkan kedalaman dan keluasan penawaran produk kami dalam memenuhi keperluan peserta pasaran, sama ada dari segi pengurusan profil risiko dan pendedahan mereka, atau dalam mencari pilihan sebagai pelindung kepada ketidaktentuan dalam kelas aset yang berbeza.

MENCIPTA INOVASI DARIPADA KEKUATAN TERAS

Pasaran modal memiliki potensi pertumbuhan di mana inovasi menjadi kunci yang membuka pelbagai peluang. Sebagai sebahagian daripada strategi kami, tumpuan terus diberikan kepada bidang pembeza kami iaitu pasaran modal Islam, produk komoditi yang diiktiraf dan diterima di seluruh dunia, serta pencapaian kami dalam aspek kemampanan. Pada masa yang sama, kami juga terus mencari peluang-peluang baharu terutamanya menerusi gabungan strategik serta inovasi dan teknologi.

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif

Kami terus berusaha meningkatkan kedalaman dan keluasan penawaran produk kami dalam memenuhi keperluan peserta pasaran, sama ada dari segi pengurusan profil risiko pendedahan mereka, atau dalam mencari pilihan sebagai pelindung kepada ketidaktentuan dalam kelas aset yang berbeza.

Keputusan Kewangan	2016	2015	% tukaran
Perolehan Operasi (RM juta)	**472.7**	487.7	▼ 3.1%
Perbelanjaan Operasi (RM juta)	**236.2**	239.8	▼ 1.5%
Keuntungan Selepas Cukai dan Faedah Minoriti (PATAMI) (RM juta)	**193.6**	198.6	▼ 2.5%
Nisbah Kos kepada Pendapatan (%)	**46.6**	46.2	▲ 0.4pp
Margin Keuntungan Bersih (%)	**40.0**	39.8	▲ 0.2pp
Pertumbuhan PATAMI (%)	**(2.5)**	0.2	▼ 2.7pp
Pulangan Ekuiti (%)	**23.2**	25.6	▼ 2.4pp

pp mata peratus

MENINGKATKAN KEPELBAGAIAN

Kami memanfaatkan penerimaan yang semakin meningkat bagi Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) sebagai platfom dagangan Murabahah komoditi global yang menawarkan lima komoditi yang boleh diniagakan dalam 28 matawang utama dan di pasaran yang beroperasi 6 hari seminggu, 15 jam sehari.

Kami menyedari permintaan yang semakin meningkat untuk peluang-peluang pelaburan patuh Syariah. Justeru itu, kami berbangga kerana telah mewujudkan Bursa Malaysia-i, iaitu platfom pelaburan patuh Syariah yang pertama di dunia yang menyediakan satu lanskap baharu yang membolehkan para pelabur melabur dalam instrumen-instrumen pelaburan patuh Syariah dalam cara yang mematuhi Syariah.

Kami turut mempertingkatkan Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu produk kami yang berasaskan faedah, dan menambahkan niaga hadapan tin ke dalam senarai produk komoditi kami. Ini menekankan matlamat kami untuk membina portfolio produk yang lebih pelbagai.

MENGAMBIL PELUANG DARIPADA EKOSISTEM

Peserta pasaran membentuk teras ekosistem kami. Institusi domestik terus menjadi pemain utama dalam pasaran kami, manakala pelabur runcit diinstitusikan menerusi industri amanah saham.

Kami terus melihat penyertaan kukuh institusi asing di sebalik cabaran-cabaran yang melanda pada 2016. Sementara penyertaan runcit menyumbang kepada halaju pasaran, penglibatan aktif institusi-institusi tempatan dan asing mengurangkan impak keadaan pasaran yang tidak menentu.

Kami akan terus membina dan mengambil peluang daripada kekuatan ekosistem kami, serta menjangkau segmen-segmen komuniti yang telah dikenalpasti.

MENGEKALKAN TADBIR URUS

Di sebalik ketidaktentuan yang telah mencorak 2016, tadbir urus yang kukuh yang telah kami bina selama ini terus menjadi tunjang kebingkasan kami. Secara asasnya, kami telah membina tadbir urus seperti di pasaran maju di dalam pasaran baharu yang maju. Kami berusaha menyediakan peluang untuk pulangan yang lebih tinggi kepada para peserta kami, tanpa mengabaikan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dan perlindungan pelabur. Kedua-dua ini berada di tengah-tengah peranan kami sebagai pengendali pasaran dan pengawal selia barisan hadapan.

Pengiktirafan oleh Bank Dunia dalam *'Doing Business 2017'* dan Forum Ekonomi Dunia dalam *'Global Competitiveness Report 2016-2017'* merupakan satu penghargaan kepada Malaysia sebagai pasaran yang progresif dan matang.

Indeks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) yang dilancarkan pada 2014 merupakan satu lagi bukti usaha kami dalam menerapkan inisiatif kemampanan yang memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tersenarai kami dalam aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi. Konstituen bagi indeks F4GBM telah meningkat kepada 42 pada penghujung tahun yang dikaji.

MEMACU KEMAMPANAN

Kami menyedari bahawa amalan kemampanan semakin penting sebagai kriteria dalam keputusan pelaburan pelabur. Kami berhasrat menjadi bursa peneraju kemampanan di ASEAN dengan bilangan syarikat tersenarai yang tertinggi yang menerapkan amalan-amalan kemampanan dalam operasi dan laporan mereka, serta menjadi destinasi penyenaraian pilihan bagi syarikat-syarikat amalan-amalan kemampanan yang baik. Dengan matlamat ini, kami telah mengambil langkah lanjut untuk mempertingkatkan terima pakai amalan-amalan kemampanan dan pelaporannya di kalangan syarikat-syarikat tersenarai di pasaran kami menerusi pindaan peraturan dan penerbitan Garis Panduan & Kit Alat Pelaporan Kemampanan – iaitu yang pertama seumpamanya di ASEAN.

Rangka kerja pelaporan yang baharu, Indeks F4GBM dan sebagai penandatangan Inisiatif Bursa Saham Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membuktikan kesepaduan inisiatif-inisiatif kemampanan kami selain mendapat pengiktirafan antarabangsa. Sebagai pengawal selia barisan hadapan, ia juga membuktikan bahawa kami mampu membawa perubahan ke arah pembangunan jangka panjang negara, meningkatkan sasaran dan sebagai peneraju dalam ASEAN.

MENGEKALKAN PRESTASI

Di sebalik keadaan pasaran makro yang sangat mencabar pada 2016, kami gembira dapat melaporkan keputusan yang membanggakan.

Kami telah mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM193.6 juta berbanding RM198.6 juta tahun sebelumnya. Nisbah kos kepada pendapatan meningkat sedikit sebanyak 0.4 mata peratus manakala Pulangan Ekuiti menyusut 2.4 mata peratus, masing-masing kepada 46.6% dan 23.2% daripada 46.2% dan 25.6%.

Perolehan operasi tahun-ke-tahun menyusut 3.1%, sebahagian besarnya ekoran penguncupan dalam perolehan dagangan sekuriti. Pengurangan aktiviti dalam Pasaran Sekuriti bagaimanapun diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan dalam aliran perolehan lain iaitu perolehan daripada dagangan derivatif dan segmen Data Pasaran. Tinjauan lima tahun ke atas prestasi kami menunjukkan peningkatan sebanyak 23.9% iaitu daripada RM381.5 juta pada 2011 kepada RM472.7 juta pada 2016.

Perbelanjaan operasi terkawal pada RM236.2 juta hasil daripada disiplin pengurusan kos yang mantap. Ini diterjemahkan sebagai pengurangan sebanyak 1.5% berbanding RM239.8 juta pada 2015. Perbelanjaan untuk Tenaga Kerja dan Teknologi kekal sebagai penyumbang kos tertinggi, yang mencerminkan pelaburan berterusan kami ke atas strategi bakat serta memastikan kami dilengkapi dengan teknologi yang sewajarnya dalam melaksanakan peranan kami mengekalkan pasaran yang adil, teratur dan cekap.

INDEKS KETELUSAN URUS TADBIR KORPORAT MALAYSIA-ASEAN, PENEMUAN DAN PENGIKTIRAFAN 2016

KECEMERLANGAN

- **Urus Tadbir Korporat dan Prestasi Terbaik (Kategori Keseluruhan)**
- **Penciptaan Nilai Jangka Panjang**

MERIT

- **Pendedahan Urus Tadbir Korporat**
- **Mesyuarat Agung Tahunan Terbaik (Kategori Keseluruhan)**

Kami memanfaatkan penerimaan yang semakin meningkat bagi BSAS sebagai platfom dagangan Murabahah komoditi global yang menawarkan lima komoditi yang boleh diniagakan dalam 28 matawang utama dan di pasaran yang beroperasi 6 hari seminggu, 15 jam sehari.

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif

Berdasarkan prestasi kami dan keadaan operasi hadapan, Lembaga Pengarah Bursa Malaysia telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 17 sen sesaham yang perlu diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-40 kami yang akan diadakan pada bulan Mac 2017. Jika diluluskan, jumlah dividen yang dibayar oleh Bursa Malaysia pada 2016 akan berjumlah 34.0 sen sesaham, mewakili hasil dividen sebanyak 3.8%.

Prestasi Segmen
Pasaran Sekuriti kami telah memberi pulangan perolehan dagangan sebanyak RM212.9 juta, di sebalik Purata Nilai Dagangan Harian (ADV) untuk Dagangan Pasaran Sekuriti Atas Pasaran sebanyak RM1.8 bilion. Bagi IPO, sebelas penyenaraian baharu diterima pada 2016 yakni bilangan yang sama dicapai pada 2015. Dana dikumpul bagi 2016 adalah sebanyak RM0.6 juta.

Segmen Pasaran Derivatif terus mencatat pertumbuhan dalam jumlah dagangan di mana sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan aktiviti dalam menangani ketidaktentuan dan pendedahan kepada risiko dalam pasaran. Purata kontrak harian yang didagangkan meningkat 1.2% kepada 57,829 kontrak, dengan jumlah 14.2 juta kontrak didagangkan pada 2016 berbanding 14.1 juta pada 2015. Ini menjana perolehan dagangan sebanyak RM88.7 juta iaitu satu peningkatan sebanyak 3.0% dari tahun-ke-tahun.

Dalam Pasaran Modal Islam, ADV bagi platfom dagangan komoditi BSAS meningkat sebanyak 7.2% kepada RM16.3 bilion pada 2016, berbanding RM15.2 bilion pada tahun sebelumnya, membawa kepada jumlah perolehan dagangan sebanyak RM16.4 juta.

KE ARAH PASARAN MAJU

Mengoptimakan Struktur Organisasi untuk Keberkesanan Organisasi (OOS)
Sebahagian daripada strategi kami adalah untuk membangunkan Bursa Malaysia menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi. Pada 2016, kami telah memulakan Projek OOS.

Projek OOS mempunyai matlamat yang jelas dalam menjadikan Bursa Malaysia sebuah organisasi berprestasi tinggi yang lebih produktif, cekap dan berkesan di peringkat serantau selain bersedia menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan dalam persekitaran yang lebih kompetitif dan lanskap kawal selia yang sentiasa berubah-ubah. Kesemua ini adalah penting dalam usaha kami untuk terus kekal di hadapan dan memenuhi keperluan para pelanggan dan pihak berkepentingan kami dalam industri yang sangat kompetitif ini.

Hasil Projek OOS ini digunapakai untuk pelaksanaan bermula 15 Februari 2017. Barisan Jawatankuasa Pengurusan serta Pengurusan Kanan boleh dirujuk pada muka surat 30 hingga 31 Laporan ini.

Rangka Kerja Kawal Selia yang Seimbang
Kami sedang beralih ke arah pendekatan berasaskan prinsip bagi rangka kerja kawal selia kami, sambil mengekalkan piawaian tadbir urus korporat dan kawal selia sendiri yang tinggi di samping membenarkan penyertaan yang lebih bertenaga dari pasaran. Dengan memperkemas peranan kawal selia Bursa Malaysia, kecekapan kami akan dipertingkatkan lagi sebagai platfom penjanaan modal dan pelaburan dan pada masa yang sama terus melindungi kepentingan para pelabur.

Mewujudkan Pasaran Mampan
Kami menyedari kepentingan segmen Perusahaan Kecil-Sederhana untuk menjadi kumpulan syarikat tersenarai kami yang seterusnya. Kami sedang berusaha mewujudkan satu pasaran baharu untuk menyediakan akses kepada penjanaan dana bagi segmen ekonomi ini. Satu kertas rundingan untuk mendapatkan maklumbalas awam mengenai cadangan ini telah dikeluarkan dalam tahun yang dikaji.

Mengambil Bahagian dalam Pertumbuhan
Prestasi Bursa Malaysia sebagai sebuah Bursa, terutamanya menerusi portfolio produk dan perkhidmatan kami yang semakin berkembang, memberikan peluang kepada pelabur runcit untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan pasaran. Ini selari dengan keperluan untuk pendidikan bagi membantu warga Malaysia dari semua lapisan masyarakat memahami pulangan yang boleh diperolehi menerusi pelaburan melangkaui simpanan tradisional atau deposit tetap.

Dalam usaha kami mempertingkatkan celik kewangan, mendidik dan memperkasakan pelabur masa hadapan untuk mengambil bahagian dalam generasi pertumbuhan seterusnya dan penciptaan nilai ekonomi, kami terus melabur dalam BursaMktPlc iaitu laman sesawang yang kami wujudkan untuk melengkapkan pendatang baharu dengan pengetahuan mengenai pasaran modal, dan menyediakan pelabur berpengalaman dengan alat-alat yang boleh membantu mereka membuat keputusan pelaburan yang lebih berhemah. Kami akan meluaskan lagi liputan kajian kami untuk turut merangkumi syarikat tersenarai yang bermodal pasaran kecil dan sederhana.

Kami akan terus memperbaiki kemampuan jangkauan digital kami dalam mengembangkan pengetahuan dan pengalaman pelabur dan syarikat-syarikat tersenarai, serta membangunkan lagi ekosistem pasaran modal kami agar lebih komprehensif dari segi tawaran, kukuh dari segi tadbir urus, dan cekap dari segi prestasi.

Mendorong penyertaan pelabur runcit dalam pasaran modal masih menjadi cabaran utama kami melangkah ke hadapan. Kami terus melabur dalam generasi masa hadapan menerusi inisiatif pendidikan, antara lain, mendekati komuniti pelajar dan mengembangkan Kelab Pelabur Muda Bursa.

Pembentangan lanjut mengenai perkara ini boleh didapati di bahagian Strategi dan Perbincangan Pengurusan dan Analisis dalam Laporan ini.

BERGERAK KE HADAPAN

Ke arah matlamat kami untuk menjadi Pusat ASEAN dan pemain utama serantau dengan jangkauan antarabangasa menjelang tahun 2020, kami akan terus bersandar kepada teknologi dalam menawarkan produk dan perkhidmatan yang inovatif dan pelbagai, memperkayakan pengalaman pelanggan dan mencapai kecemerlangan operasi. Kami juga akan memperluaskan jejak rentas-sempadan kami menerusi lebih banyak pakatan antara bursa-bursa, rangkaian Syariah dan urusniaga ASEAN yang menawarkan nilai yang lebih menarik untuk pihak berkepentingan kami.

Kami akan terus memperkukuhkan kedudukan Bursa sebagai sebuah bursa yang mampan dan dinamik yang menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan pasaran modal dengan kedudukan yang kukuh dalam pasaran modal Islam dan pasaran derivatif komoditi, sambil berpegang teguh kepada piawaian tadbir urus korporat yang tinggi, amalan kemampanan serta perlindungan pelabur, di tengah-tengah pertumbuhan ASEAN.

PENGHARGAAN

Segala inisiatif dan penambahbaikan yang telah kami laksanakan membolehkan kami menjadi satu pasaran yang kekal menarik untuk para pelabur kami, dengan kedalaman dan keluasan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Ini telah membolehkan kami mengukuhkan kedudukan kami sebagai pasaran utama di ASEAN. Kesemua pencapaian ini tidak mungkin dicapai tanpa sokongan dan komitmen berterusan Tuan Pengerusi, Lembaga Pengarah dan kakitangan yang saya hargai. Kami terus komited dalam merealisasikan strategi kami untuk menjadi Pusat ASEAN dan mencipta nilai jangka panjang untuk para pemegang saham kami.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada para pelabur, pemegang saham, pihak kawal selia dan rakan-rakan pasaran ke atas kepercayaan yang telah diberikan kepada kami. Dalam mengharungi persekitaran perniagaan yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah, kami akan terus berusaha memperkukuhkan tadbir urus pasaran kami dan pada masa yang sama mencipta pasaran yang bertenaga menerusi peluang-peluang pertumbuhan baharu.

Datuk Seri Tajuddin Atan
Ketua Pegawai Eksekutif

Kami terus melihat penyertaan kukuh institusi asing di sebalik cabaran-cabaran yang melanda pada 2016. Sementara penyertaan runcit menyumbang kepada halaju pasaran, penglibatan aktif institusi-institusi tempatan dan asing mengurangkan impak keadaan pasaran yang tidak menentu.